



30 JUL, 2021

SUSULAN LAMBAKAN TIMUN BATANG Fama Kelantan bantu pasar sayuran

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

SUSULAN LAMBAKAN TIMUN BATANG

Fama Kelantan bantu pasar sayuran

Kota Bharu: Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan membantu memasarkan timun batang yang diusahakan dua beradik di Pasir Mas di sini, melalui Pusat Operasi Fama bermula semalam.

Pengarah Fama Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad berkata, langkah itu diambil bagi membantu pengusaha timun batang yang buntu susulan berlaku lambakan sayur berkenaan sejak kebelakangan ini.

Katanya, Fama turut mengatur pasaran bagi menemukkan pemborong swasta dengan pengeluar selain menyediakan ruang pasaran di

outlet peruncitan agar pengeluar dapat memasarkan sendiri hasil pertanian mereka.

"Selain itu, pengusaha timun batang terabit diminta membuat laporan awal sekiranya berlaku lebihan hasil kepada pihak Fama bagi mengatasi masalah ini.

"Sementara itu, terdapat juga pemborong sayur dari negeri lain yang menghubungi Fama untuk membeli hasil tani daripada pekebun. Jadi, pihak kami dapat mengatur supaya pasaran timun batang dapat diperluaskan.

"Pihak Fama turut mengumakan senarai pemborong sayur-sayuran di Pusat

Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong yang berpotensi selain menggalakkan usahawan berdaftar di dalam Program Ladang Kontrak MAFI 2.0," katanya.

Semalam, akhbar melaporkan dua beradik, Nik Azrin Nik Yaakub, 29, dan abangnya, Nik Izani Nik Yaakub, 46, yang juga pengusaha timun batang buntu selepas terpaksa membuang 1.5 tan hasil tanamannya setiap hari susulan berlaku lambakan dan tiada permintaan sayur berkenaan di pasaran.

Mengulas lanjut, Wan Nora berkata, siasatan juga mendapati isu itu turut berlaku susulan Covid-19 dalam

kalangan pemborong di RTC manakala pasaran di Lembah Klang perlahan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sementara itu, Nik Azrin berkata, mereka bersyukur kerana masalah mereka mendapat perhatian pihak Fama selain berterima kasih kerana sudi memasarkan lambakan timun batang di kebun mereka.

"Kami turut menerima panggilan beberapa individu yang menyatakan hasrat membeli timun batang ini dalam kuantiti yang banyak selepas membaca artikel di akhbar," katanya.



30 JUL, 2021

SUSULAN LAMBAKAN TIMUN BATANG Fama Kelantan bantu pasar sayuran

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Bharu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan membantu memasarkan timun batang yang diusahakan dua beradik di Pasir Mas di sini, melalui Pusat Operasi Fama bermula semalam. Pengarah Fama Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad berkata, langkah itu diambil bagi membantu pengusaha timun batang yang buntu susulan lambakan sayur berkenaan sejak kebelakangan ini.